

"Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka berkatalah benar atau diam, siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat janganlah menyakiti jiran, siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka muliakanlah tetamu."

- Riwayat al-Bukhari, sabda Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

ISB lancar inisiatif penanaman 60 pokok

Oleh : Aimi Sani

SUNGAI HANCHING, Jumaat, 19 April. – Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB) hari ini melancarkan inisiatif penanaman pokok sempena Ulang Tahun Ke-60 sekolah berkenaan yang mengambil tempat di kawasan kampus ISB, cawangan Bandar, di sini.

Penanaman '60 Pokok Meraikan 60 Tahun' (60 Trees to Celebrate 60 Years) adalah bersempena dengan Ulang Tahun Ke-60 sekolah berkenaan sebagai menandakan enam dekad kecemerlangan akademik inklusif ISB.

ISB dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, inisiatif '60 Trees to Celebrate 60 years' menyaksikan 60 pokok ditanam di seluruh kampus ISB Bandar dan ISB Seria serta Pusat ISB Centre for Inclusive Learning - CIL di Panaga.

Usaha berkenaan adalah sejajar dengan Strategi 2 Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD yang berhasrat untuk menanam 500,000 pokok bagi meningkatkan litupan hutan negara menjelang 2035.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan inisiatif berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

>> Muka 6

KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah, Datin Roslina binti Ismail yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat Muka 2).

KHEU terima kunjungan Pengerusi Syarikat Nozoly, Arab Saudi

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Jumaat, 19 April. – Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Syarikat Nozoly di Arab Saudi, Dato Jameel Sulaiman Bondagjy baru-baru ini bertempat di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU), Jalan Dewan Majlis.

Syarikat Nozoly telah lama menjalin hubungan kerjasama dengan Jabatan Urusan Haji, KHEU, Negara Brunei Darussalam selaku penyedia kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan haji di Masyair (Arafah dan Mina).

>> Muka 5

Tidak ada awan debu gunung berapi dikesan

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 April. – Pada pukul 9.45 malam waktu tempatan pada 16 April 2024, Gunung Berapi Ruang di Sulawesi Utara, Indonesia, dengan ketinggian 725 meter dari paras laut telah meletus dan

mengakibatkan pembentukan awan debu serta menjejaskan kualiti udara dan jarak penglihatan di beberapa kawasan berdekatan.

>> Muka 5



Berita Utama



PEMODA raikan Hari Raya Aidilfitri

Muka 7



PERUSAHAAN live cook mendapat permintaan ramai

Muka 10



PANTAU kebajikan pekerja, patuhi Perintah Pekerjaan 2009

Muka 19



PEMAKANAN dan bersukan perlu seimbang

Muka 23

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah, Datin Roslina binti Ismail. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa berkenan menerima pasambah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam semasa berkenan menerima mengadap perpisahan isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah, Datin Roslina binti Ismail (atas dan atas kiri).

WAKTU SEMBAHYANG										
April	HARI	Syawal	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	10	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
21	AHAD	11	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37
22	ISNIN	12	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
23	SELASA	13	4.41	4.51	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
24	RABU	14	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
25	KHAMIS	15	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	JUMAAT	16	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

20 APRIL 2024

Allah Subhanahu Wata'ala sayang kepada orang pemaaf

DALAM menyambut Hari Raya Aidilfitri, adalah menjadi kebiasaan untuk kita sebagai umat Islam untuk bermaaf-maafan. Sama ada, kita telah melakukan kesilapan besar atau kecil, dalam keadaan sadar ataupun tidak, ada baiknya untuk kita tetap meminta maaf kepada ahli keluarga, sahabat-sahabat dan orang-orang yang biasa kita berjumpa seperti rakan-rakan kerja. Adalah penting juga untuk kita meminta maaf dengan ikhlas dengan harapan kita tidak akan mengulangi kesilapan yang sama di masa akan datang. Meminta maaf itu adalah penting kerana, Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan mengampuni dosa kita terhadap seseorang itu melainkan orang yang itu memaafkan kita.

Seperti mana meminta maaf itu adalah penting, memaafkan kesilapan orang-orang terhadap kita adalah juga digalakkan oleh agama. Antara sebab-sebab kenapa penting untuk kita memaafkan ialah kerana, dari sudut rohani, ianya akan memberi kita ketenangan dan menjadikan kita disayangi oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ini ialah kerana, sifat pemaaf itu dapat dilihat ada pada salah satu daripada 99 nama Allah Subhanahu Wata'ala iaitu Al-'Awuf yang bererti Maha Pemaaf. Dalam kita memaafkan orang-orang yang telah menyalahi kita, kita juga akan mendapat kemaafan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam memperbaiki diri sebagai orang Islam, menamai sifat kemaafan bermakna kita sedang mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda adalah seorang yang seperti yang diceritakan dalam sebuah hadis, "daripada Abu Ishak Radiallahu Anhu ia berkata: Aku mendengar Abu Abdullah Jadaliya Radiallahu Anhu berkata: Aku pernah bertanya kepada Aisyah Radiallahu Anha mengenai akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka ia pun menjawab: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak melakukan dan mengucapkan perkara yang buruk. Baginda juga tidak berteriak di pasar dan tidak akan membalas kejahatan dengan kejahatan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan memaafkan dan berlapang dada". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Dalam hadis yang lain, hadis riwayat Imam Bukhari, "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan bahawa sifat pemaaf itu merupakan antara iman yang paling utama. Daripada Makil bin Yasar Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: Iman yang paling utama adalah sabar dan memaafkan."

Menjadi seorang yang pemaaf bukan bermakna kita lemah atau kalah dalam apa-apa situasi akan tetapi ia menunjukkan kematangan dan keperibadian seorang yang tidak suka mengeruhkan keadaan. Allah Subhanahu Wata'ala akan menambah kemuliaan kepada orang yang pemaaf itu. Janganlah kita pernah merasa malu atau sombong dalam meminta maaf dan memberi kemaafan. - **Ketua Penyunting (Nr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرين قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SAMBUTAN MUHIBAH RAYA BERSAMA BSJV



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah BSJV berkenan berangkat menyeroni Sambutan Hari Raya berkenaan.

oleh Kumpulan Gentara BWN dan Persembahan Gulintangan dengan dendangan lagu-lagu raya sambil para jemputan menikmati hidangan.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga dijunjung melawat Rumah Terbuka Sambutan Muhibah Raya yang mempamerkan Inisiatif Pelaburan Sosial / Tanggungjawab Sosial Korporat daripada gabungan syarikat-syarikat BSJV.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah dan mengabadikan gambar kenangan bersama para jemputan yang hadir.

Juga hadir pada majlis sambutan berkenaan ialah perwakilan-perwakilan asing di negara ini, pengarah-pengarah urusan dan pengurus besar di bawah BSJV, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan swasta serta para jemputan khas.

Antara lain, sambutan ini bertujuan untuk memupuk hubungan dan kebersamaan yang lebih erat, menjiwai semangat perpaduan dan muhibah, di samping mencerminkan skala impak dan sumbangan industri minyak dan gas kepada ekonomi NBD dan ekosistemnya.

Dengan tumpuan khusus pada strategi pelaburan sosial organisasi, setiap hos mempamerkan kemajuan luar biasa dalam kemampanan, kesedaran alam sekitar dan komuniti.

Sebagai penyumbang utama kepada kejayaan pembangunan NBD, adalah penting untuk mengiktiraf peranan penting industri minyak dan gas. Oleh yang demikian, kepentingan memupuk hubungan positif untuk menyemarakkan inovasi dan memupuk kemajuan berterusan mestilah diperakui.



AGNETE Johnsgaard-Lewis semasa menyampaikan sembah alu-aluannya (atas). Sementara gambar kiri, sambutan diserikan lagi dengan Persembahan Tarian Tradisional oleh Kumpulan Gentara BWN.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama para jemputan yang hadir.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Rabu, 17 April. - Kemeriah Syawal terus disemarakkan melalui majlis-majlis Sambutan Hari Raya yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di negara ini dalam sama-sama mengeratkan lagi ukhuwah yang terjalin.

Sehubungan itu, gabungan Syarikat-syarikat Usaha Sama Brunei Shell (Brunei Shell Joint Ventures - BSJV) terdiri daripada

Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP), Brunei LNG Sendirian Berhad (Brunei LNG), Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) bersama-sama Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC), Shell Deepwater Borneo (SDB) dan Shell Exploration and Production Brunei (SEP) buat julung kalinya menganjurkan Sambutan Muhibah Raya, berlangsung di

Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Sambutan Hari Raya berkenaan diserikan lagi dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah BSJV.

Kebangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Pengarah Urusan BSP dan Shell Country Chair di Negara Brunei Darussalam (NBD), Agnete Johnsgaard-Lewis. Dalam sembah alu-aluannya,

Agnete Johnsgaard-Lewis menyebarkan bahawa Aidilfitri merangkumi semangat kebersamaan, di mana sambutan anjuran bersama itu memperingati perpaduan yang dipamerkan oleh Shell dan Kumpulan Syarikat gabungan Shell di NBD.

Tambahnya, tahun 1929 menandakan permulaan minyak dan gas di negara ini, dan beliau berbangga kerana kehadiran syarikat-syarikat berkenaan mewakili perkongsian tenaga menyeluruh, dari hulu dan hiliran serta perjalanan dan perkapalan, yang telah mewujudkan nilai bagi NBD selama hampir satu abad.

"Bersama-sama, kami telah mencipta sejarah, pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, kami telah berinovasi dan menyumbang lebih banyak pencapaian yang boleh saya rumuskan dalam masa yang kami ada bersama di sini hari ini, dan kami telah menyokong pendidikan dan pembangunan ramai pemimpin Brunei yang telah dan terus memberi impak positif kepada industri dan negara," ujarnya.

Sambutan diserikan lagi dengan Persembahan Tarian Tradisional



RUMAH TERBUKA MUHIBAH RAYA KETENGAHKAN INISIATIF PELABURAN SOSIAL



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat menyaksikan Rumah Terbuka Sambutan Muhibah Raya anjuran gabungan Syarikat-syarikat Usaha Sama Brunei Shell (BSJV) (atas). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia semasa berkenan menyaksikan pameran.

JERUDONG, Rabu, 17 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat menyaksikan Rumah Terbuka Sambutan Muhibah Raya anjuran gabungan Syarikat-syarikat Usaha Sama Brunei Shell (BSJV).

Rumah Terbuka tersebut mempamerkan Inisiatif Pelaburan Sosial / Tanggungjawab Sosial Korporat yang mengambil tempat

di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BSJV mula-mula berkenan menyaksikan Pameran Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) mengenai komitmennya terhadap pembangunan negara melangkaui aktiviti minyak dan gas.

Sementara itu, Makmal Tenaga Seria pula membudayakan literasi sains di Negara Brunei Darussalam dengan menyokong kecekapan STEM terkini dan

impaknya dengan Sektor Tenaga. BSP turut berkongsi maklumat terkini mengenai Shell LiveWIRE Brunei yang membangun keusahawanan di negara ini selama lebih 20 tahun.

Juga dikongsikan kerjasama terbaharu BSP bersama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Program IBTE Shield yang memfokuskan kepada keutamaan keselamatan sebelum pelajar memasuki alam pekerjaan.

Demonstrasi tersebut diterangkan melalui program sukarelawan yang dilancarkan baru-baru ini iaitu BSPCares - usaha gabungan untuk menjana

lebih banyak sokongan tenaga kerja dalam aktiviti yang memberi kesan kepada ahli komuniti.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudian berkenan menyaksikan Pameran Brunei LNG Sendirian Berhad (Brunei LNG) mengenai dedikasinya dalam memacu pertumbuhan negara melalui pelbagai inisiatif yang melangkaui perniagaan terasnya sebagai Loji LNG.

Melalui sumbangan kemahiran dan sumber untuk memberikan manfaat yang berpanjangan kepada masyarakat dan alam sekitar, mereka berhasrat untuk mewujudkan kehadiran dan legasi yang positif dalam komuniti tempat beroperasi.

Sebagai penaja utama dan penganjur bersama Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota dwitahunan dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB), Brunei LNG kekal komited untuk memberi inspirasi kepada belia, memupuk kreativiti dan inovasi, manakala program utama, 'EmployAbility' melihat ke arah peningkatan pekerjaan dan keupayaan tenaga kerja tempatan, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Penglibatan masyarakat kekal sebagai satu tumpuan penting melalui inisiatif kesedaran alam sekitar bersama-sama dengan Perubahan Iklim BigBWN, penanaman pokok dan pembersihan pantai serta program Brunei LNG Eco Eagles.

Juga turut dipamerkan mengenai

inisiatif pelaburan sosial Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM), yang memfokuskan dalam memupuk hubungan yang kukuh bersama belia dan masyarakat. Inisiatif tersebut direka untuk memupuk impak yang bermakna dalam kehidupan seharian mereka. Dengan bergerak ke hadapan berganding bahu dengan komuniti, BSM memastikan amalan terbaik yang dikongsi ke arah kesejahteraan.

Turut menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia, Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) pula mempamerkan beberapa Program Pelaburan Sosial seperti Projek Amali dan Clean Rivers, Clean Seas yang bertujuan untuk bekerjasama dengan komuniti dan pihak berkepentingan dalam inisiatif mampan yang memfokuskan pada tema pembangunan komuniti dan belia; persekitaran; pendidikan; kesihatan; dan pembangunan keusahawanan.

Manakala pameran daripada Shell Deepwater Borneo (SDB) mengenai Artificial Intelligence Lab di UTB, mempromosikan kemajuan dalam penyelidikan teknologi dan AI.

DYTM seterusnya berkenan menyaksikan pameran terakhir iaitu Shell Exploration and Production Brunei (SEPB) menekankan mengenai projek kelestarian 'Waste Not, Save More' di 15 sekolah awam, dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan BigBWN.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah untuk bergambar ramai (atas, kanan dan kanan sekali).



KHEU TERIMA KUNJUNGAN PENERUSI SYARIKAT NOZOLY, ARAB SAUDI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Syarikat Nozoly di Arab Saudi, Dato Jameel Sulaiman Bondaggy bertempat di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Disebabkan perubahan sistem pengurusan dan penyediaan perkhidmatan haji di Arab Saudi pada tahun ini, Syarikat Nozoly bergabung dengan Syarikat Rawaf Mina, iaitu syarikat penyedia perkhidmatan haji yang dipilih oleh KHEU untuk menyediakan perkhidmatan haji bagi jemaah haji NBD di Madinah, Makkah dan Masyair (Arafah dan Mina) bagi musim

haji tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Antara lain tujuan Dato Jameel Sulaiman Bondaggy mengadakan lawatan ke NBD adalah untuk menjelaskan mengenai pembaharuan-pembaharuan yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Rawaf Mina bersama Syarikat Nozoly pada musim haji nanti seperti penyediaan sofa dan ruang penyimpanan barang dalam khemah-khemah jemaah haji NBD di Arafah dan Mina.

Selain itu, beliau juga turut mengongsikan cabaran-cabaran dan perubahan-perubahan yang bakal dihadapi pada musim haji akan datang dan seterusnya menyakinkan KHEU bahawa Syarikat Rawaf Mina dan Nozoly akan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji NBD pada musim haji nanti.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Mohammad Tashim bin Pengiran Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Haji Hassan; dan Pengarah Abdullah bin Haji Mohammad.

Tidak ada awan debu gunung berapi dikesan


■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam

>> Muka 1

Berdasarkan maklumat terkini yang diterima daripada Darwin Volcanic Ash Advisory Centre pada pukul 1.30 petang waktu tempatan pada hari ini (19 April 2024), awan debu dari gunung berapi tersebut tidak ada dikesan di ruang udara Negara Brunei Darussalam (NBD).

Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam akan mengongsikan maklumat terkini mengenai status letusan Gunung Berapi Ruang yang diterima daripada Darwin Volcanic Ash Advisory Centre, jika ianya dijangka akan menjejaskan ruang udara negara kita.

Untuk maklumat terkini juga boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramlan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114.



Awan debu dari letusan Gunung Berapi Ruang tidak ada dikesan di ruang udara Negara Brunei Darussalam pada hari ini berdasarkan maklumat terkini yang diterima daripada Darwin Volcanic Ash Advisory Centre.

Siaran Akhbar | 19 April 2024

Source: Google Maps



Bersama membantu meningkatkan stok bekalan darah


■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Sabtu 20 April 2024 10.00 pagi hingga 1.30 petang	Tingkat 1, Pusat Membeli-belah Midvalley Anjuran Arno Zoey Wonderland

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April.- Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Sabtu, 20 April 2024 di Tingkat 1, Pusat Membeli-belah Midvalley anjuran Arno Zoey Wonderland bermula 10:00 pagi hingga 1:30 petang.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.



KEDUTAAN AS DI NBD RAIKAN AIDILFITRI BERSAMA YASKA



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat (AS) ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Caryn McClelland hadir menyertai sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Ulang Tahun ke-40 Hubungan Diplomatik di antara AS dengan NBD.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Jumaat, 19 April. – Seramai 20 kanak-kanak kanser yang telah sembuh dan 20 sukarelawan dari AS menyertai acara Treasure Hunt yang diadakan di Peak Club. Pada lazimnya pihak YASKA menggalakkan pihak sektor kerajaan, korporat kompeni, NGO yang lain untuk menyertai acara

ini dengan tujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kanser kanak-kanak dan dengan adanya rawatan terkini yang disediakan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kadar pesakit kanser kanak-kanak yang sembuh adalah tinggi.

Menyertai acara tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn McClelland.

Katanya, hari sukarelawan bersama YASKA ini mencerminkan kekuatan hubungan AS dengan Brunei dan masyarakatnya.

"Kami gembira untuk merangkul semangat perkhidmatan dan mengadakan sambutan yang bermakna di musim perayaan ini, yang turut meraikan hubungan diplomatik 40 tahun yang kukuh di antara AS dan Brunei," ujarnya lagi.

Tahun ini menandakan 40 tahun hubungan diplomatik di antara AS dengan Brunei sejak ianya ditubuhkan. Walau bagaimanapun kedua-dua buah negara menikmati persahabatan dan kemakmuran yang berpanjangan sejak tahun 1850 melalui perjanjian keamanan, persahabatan, perdagangan, dan pelayaran, yang masih berkuat

kuasa hari ini.

AS juga menganggap Brunei sebagai rakan kongsi penting di rantau Indo-Pasifik, dalam memajukan matlamat bersama bagi mengukuhkan hubungan rakyat dengan rakyat, meningkatkan kemakmuran ekonomi dan memajukan kerjasama keselamatan.



ANTARA yang hadir pada acara berkenaan.

ISB lancar inisiatif penanaman 60 pokok

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



>> Muka 1

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga ISB, Dato Seri Paduka Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Pengerusi Lembaga, Nicholas King dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley dalam ucapan alu-aluannya berkata pada tahun ini, ISB meraikan Ulang Tahun Ke-60 dan dalam mencapai kejayaan bersejarah berkenaan, ISB berbangga untuk meraikan sambutan tersebut dengan



menanam 60 pokok untuk memperingati sejarah 60 tahun sekolah.

"Sepanjang enam dekad yang lalu, ISB terus membangun dan berkembang.

"Sebagai sebuah sekolah

yang diiktiraf di peringkat global, BCA Green Mark dan Eco-Schools Green Flag yang diiktiraf dengan prospek menarik, kami komited untuk membina kecemerlangan akademik inklusif kami selama 60 tahun dan terus memastikan kecemerlangan kesemua pelajar di ISB," ujarnya lagi.

Acara kemudian diikuti dengan aktiviti penanaman pokok yang didahului oleh tetamu kehormat majlis.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menyertai aktiviti dalam menanam pokok sempena enam dekad kecemerlangan akademik inklusif Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB) (atas, paling atas kiri dan paling atas kanan).

MEMPERKUKUH KEMAS KINI BIBD NEXGEN WALLET

■ Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah melancarkan satu siri kempen kesedaran komprehensif, yang bertujuan mendidik pelanggan tentang kemas kini wajib aplikasi BIBD NEXGEN Wallet yang akan datang, yang akan membawa peningkatan keselamatan yang ketara dan pengalaman pengguna yang lebih baik.

Kempen ini akan merangkumi satu siri kandungan video media sosial mengenai keselamatan siber dan jerayawara kesedaran bersama klinik cawangan khusus, untuk memastikan pemegang akaun berada dalam keadaan baik, bermaklumat dan selesa yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan.

BIBD mengutamakan keselamatan dan sekuriti maklumat kewangan pemegang akaun dan komitmen ini kekal di barisan hadapan dalam semua usahanya,

seperti yang ditunjukkan dalam kemas kini BIBD NEXGEN Wallet yang akan datang.

Kemas kini, yang akan dilancarkan secara berperingkat kepada pengguna iOS dan Android, memperkenalkan ciri keselamatan teguh yang direka bentuk, untuk terus melindungi pemegang akaun daripada potensi ancaman siber. Dalam kemas kini aplikasi ini, terdapat tiga ciri keselamatan utama ditetapkan untuk menyediakan lapisan perlindungan tambahan untuk pemegang akaun.

Ciri pertama *device binding* ialah ciri inovatif yang mengikat akaun bagi pemegang akaun NEXGEN ke peranti mudah alih berdaftar. Sebarang percubaan untuk log masuk ke akaun daripada peranti yang tidak dikenali akan ditolak, dengan ketara mengurangkan risiko akses tanpa kebenaran.

Ciri seterusnya ialah *favourite maintenance*, fungsi mesra pengguna yang memberi kuasa kepada pemegang akaun untuk

mengurus senarai *favourite* mereka, yang membolehkan pemindahan dana yang cepat dan mudah ke akaun yang kerap digunakan.

Dengan ciri ini, pemegang akaun boleh mengesahkan ketepatan butiran akaun dan memberikan nama panggilan untuk pengenalan yang lebih mudah. Ini meminimumkan kemungkinan pemindahan yang salah, memastikan transaksi berjalan tepat seperti yang dimaksudkan. Pemegang akaun juga boleh menyahsenarai *favourite* mereka pada bila-bila masa melalui aplikasi tersebut.

Akhir sekali, BIBD juga akan meningkatkan keselamatan dengan Pengesahan Dua Faktor (2FA). Kemas kini ini memperkenalkan sistem Kata Laluan Satu Masa (One-Time Password - OTP) dua peringkat untuk keselamatan tambahan. OTP SMS akan diperlukan untuk mendaftarkan peranti baharu untuk mengukuhkan, menambah lapisan keselamatan tambahan semasa proses pendaftaran.

Setelah peranti kukuh, OTP dalam aplikasi yang selamat akan dijana untuk tindakan seperti mendaftarkan *favourite* dan menjalankan pemindahan akaun ke akaun. Pendekatan ini mengukuhkan pengesahan dan melindungi daripada aktiviti yang tidak dibenarkan, memberikan lapisan keselamatan tambahan untuk aktiviti perbankan mereka.

Satu siri kandungan video bermaklumat akan dilancarkan di media sosial mulai 19 April dan bertujuan untuk mendidik orang ramai dan pemegang akaun tentang amalan terbaik keselamatan siber dan memberikan bimbingan untuk melindungi akaun dan maklumat kewangan.

Sebagai sebahagian daripada jerayawara kesedaran, BIBD akan menubuhkan klinik perkhidmatan pelanggan yang ditetapkan dengan kakitangan oleh wakil perkhidmatan pelanggan yang akan menyediakan bantuan peribadi

dan panduan tentang menavigasi aplikasi mereka yang dikemas kini dan ciri keselamatannya yang dipertingkatkan.

Klinik khidmat pelanggan akan diadakan serentak di Cawangan Manggis, Serusop, Kiulap, Tanjong Bunut, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong bermula dari 13 hingga 18 Mei 2024. Pertanyaan BIBD NEXGEN dan kemas kini aplikasi setempat akan melayakkan pemegang akaun dan pengguna menerima hadiah.

Dengan memahami ciri-ciri ini, pelanggan kami boleh mengambil peranan aktif dalam melindungi diri mereka daripada risiko kecurian siber yang semakin berkembang, mengurus kewangan mereka dengan yakin dan memupuk budaya kewaspadaan keselamatan digital.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan BIBD untuk menangani kebimbangan orang ramai mengenai keselamatan aktiviti perbankan dalam talian mereka, justeru bank mengiktiraf kepentingan komunikasi dan pendidikan pengguna.

PEMODA raikan Hari Raya Aidilfitri



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Khamis, 18 April. - Kemeriahan Hari Raya Aidilfitri masih lagi hangat dirasakan dan tidak ketinggalan untuk bersama-sama meraikannya ialah Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) yang telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Park View Hotel.

Acara yang dihadiri oleh lebih 120 ahli PEMODA itu bertemakan 'PEMODA Berabis' di mana pakaian persatuan digabungkan dengan pakaian Hari Raya menjadi pilihan bagi acara pada malam itu.

Acara dimulakan dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Bendahari Agung PEMODA, Awang Haji Noor Aimee bin Haji Matamit.

Pada majlis itu, dalam

ucapan yang disampaikan oleh Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad, beliau antara lain menyatakan sokongan berterusan daripada ahli-ahli serta kesinambungan kepimpinan pelopor-pelopor, mantan-mantan Yang Dipertua dan mantan-mantan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEMODA yang terdahulu.

Tambahnya, ia adalah merupakan kunci kejayaan serta peneraju hala tuju kepada pelaksanaan misi PEMODA iaitu untuk menyatupadukan penunggang-penunggang dan penggemar-penggemar motosikal berkuasa tinggi di Negara Brunei Darussalam dengan membentuk satu pasukan yang bermutu

tinggi untuk menyertai dan sekali gus mewakili negara bagi acara permotoran di rantau ini dan antarabangsa.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1996 katanya, PEMODA telah banyak melakar sejarah yang tersendiri.

"Menganjurkan dan menyertai aktiviti-aktiviti yang bersifat keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan, jelajah, keselamatan jalan raya dan kesukanan sama ada di dalam negara dan peringkat antarabangsa.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengingatkan *abiskita* semua dan diri sendiri untuk sentiasa mematuhi undang-undang lalu lintas dan membudayakan keselamatan sebagai keutamaan terutama sekali ketika berada di jalan raya," tambahnya.



PEMODA Motosikal Darussalam (PEMODA) yang telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Park View Hotel, bertemakan 'PEMODA Berabis' (atas, kiri dan bawah).



Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat di dalam menjayakan Festival Antarabangsa Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo (Borneo Island International Big Bike Festival -BIIBBF) Ke-21 bagi Tahun 2023 yang telah diadakan pada bulan Disember tahun lalu.

Penyampaian sijil-sijil penghargaan disempurnakan oleh mantan Yang Dipertua PEMODA yang pertama, Awang Haji Daud bin Haji Jamil.

Majlis turut dimeriahkan dengan pemotongan kek sempena Ulang Tahun PEMODA Ke-28 oleh

Yang Dipertua PEMODA bersama pelopor-pelopor, Awang Saban bin Johari dan Awang Mohd Shahminan bin Haji Besar; dan mantan Yang Dipertua pertama persatuan berkenaan, Awang Haji Daud dan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Arshad.


Turut menyerikan acara ialah penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang 'Pakaian Terbaik' yang disampaikan oleh Awang Saban.

Acara seumpamanya diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara para ahli persatuan dan meraikan Aidilfitri dengan meriah.

E-KAD HARI RAYA SEBAGAI PENYAMBUNG SILATURAHIM, ERATKAN HUBUNGAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Biarpun budaya menghantar kad ucapan sempena Hari Raya Aidilfitri semakin dilupakan kerana sudah ditenggelami dengan penggunaan

media elektronik yang lebih canggih, pantas dan 'tiada modal' seperti WhatsApp, Telegram, Facebook, Instagram, Thread, X dan TikTok, namun bagi para peminat koleksi kad raya, ia tetap satu kemestian.

Kad raya ini menjadi salah satu tradisi khususnya dalam kalangan perantau sebagai pengganti diri untuk dikirimkan kepada insan tersayang yang berada jauh di mata, sehingga ada yang sanggup berbelanja tinggi untuk membeli kad ucapan dan setem.

Yang pasti, kad cara tradisional ini tetap, unik, istimewa dan masih relevan kerana boleh mengungkapkan rasa hati mengenai Sambutan Aidilfitri.

Sebelum wujudnya ledakan teknologi, setiap kali pertengahan Ramadan, kita akan pergi ke Pejabat Pos, berdiri dan berbaris untuk membeli setem.

Kita tulis alamat sahabat atau kenalan di sampul kad raya dengan jelas, kemudian kita akan tampal setem di sudut kanan sebelah atas sampul kad raya serta memasukkannya ke dalam peti surat untuk dihantar kepada penerimanya.

Dengan adanya teknologi yang canggih pada hari ini, cara untuk mengirim ucapan Hari Raya atau

PENGUNAAN e-Kad menjadi trend masa kini, hanya perlu memasukan bait-bait ucapan dengan memilih rekaan e-Kad yang diminati.

apa jua jenis ucapan hanya pada hujung jari sahaja tanpa menunggu masa.

Telefon mudah alih serta internet mula digunakan dengan meluas oleh anggota masyarakat kita dan pada awalnya e-mel adalah kaedah perhubungan yang pantas.

Inilah antara media yang sedang mengambil alih peranan kad-kad ucapan.

Pengirim yang sibuk mungkin hanya menghantar teks ucapan dan ada kalanya teks ucapan itu hanya disalin dan dihantar semula.

Yang lebih rajin mungkin menggunakan e-Kad yang disediakan dan yang lebih kreatif mungkin mencipta e-Kad sendiri berserta ungkapan yang dicipta khas kepada penerimanya malahan bagi yang malas hendak membuat semua itu cuma perlu membuat panggilan melalui video di telefon bimbit mereka.

Teknologi dan gaya hidup

berubah, akan tetapi kita harus memanfaatkan apa jua teknologi yang ada untuk menyambung silaturahmi, umpamanya dengan cara menghantar ucapan kepada sahabat dan kenalan.

Tujuan mempererat serta melestarikan silaturahmi, termasuk dalam musim perayaan ini, adalah lebih penting daripada peranti yang kita gunakan.

Walau sekecil buku nota saiznya sekalipun, ucapan yang ditulis dengan tulisan tangan mampu melembutkan hati yang menerimanya sekali gus meleraikan segala sengketa.

Bait-bait ucapan itu juga menzahirkan keikhlasan seseorang dalam mengucapkan kata maaf selain bertanya persiapan menyambut hari lebaran.

Malah, tiada siapa dapat menyangkal betapa sekeping kad raya mempunyai nilai yang lebih tinggi berbanding harga yang dibayar untuk membelinya.



Latihan dua hala PPDB mulai 22 April hingga 17 Mei

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Rabu, 17 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini ingin memaklumkan bahawa PPDB akan mengadakan latihan dua hala bagi Eksekutif Brushing XXXI Tahun 2024 PPDB. Latihan tersebut akan berlangsung pada Isnin, 22 April 2024 hingga Jumaat, 17 Mei 2024 di kawasan Kampung Betayan dan Kampung Selapon, Daerah Temburong.

Sehubungan itu, PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menghampiri tempat latihan tersebut dan berasa cemas di sepanjang latihan berkenaan dijalankan nanti.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mewujudkan Persekitaran Inklusif Untuk Autisme'. Tarikh Tutup : 24 April 2024
2. 'Erat Silaturahmi Sesama Jiran Tetangga'. Tarikh Tutup : 1 Mei 2024
3. 'Membina Masyarakat Celik Digital'. Tarikh Tutup : 8 Mei 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Foto studio masih mendapat permintaan tinggi

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



SESI bergambar di foto studio masih lagi relevan dan mendapat permintaan daripada orang ramai, lebih-lebih lagi semasa musim perayaan ini (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 April. - Pada zaman era digital ini dengan pertumbuhan teknologi yang semakin pesat, kita dengan mudah dapat mengabdikan kenangan bersama keluarga mahupun kawan-kawan melalui foto.

Pada masa kini, bukan sahaja kita dapat mengambil foto menggunakan kamera malahan dengan kecanggihan teknologi yang ada pada masa kini membolehkan kita untuk menangkap foto menggunakan telefon bimbit.

Walaupun adanya teknologi baharu di hujung jari kita, trend mengambil foto di studio juga masih relevan dan mendapat permintaan

hingga hari ini.

Sesi bergambar di foto studio merupakan salah satu kaedah untuk mengambil foto oleh seorang jurugambar yang berkemahiran dengan menggunakan kamera digital sama ada foto secara berseorangan ataupun beramai-ramai.

Adapun terdapat perkhidmatan foto studio bergerak untuk datang ke rumah atau ke lokasi tertentu untuk mengambil foto dengan menggunakan kelengkapan seperti di dalam foto studio biasa, namun masih terdapat juga pelanggan mahu menggunakan perkhidmatan foto studio di kedai.

Antara lain, kelebihan mengambil

foto di dalam foto studio adalah kelengkapan yang cukup seperti pencahayaan yang dapat dikawal mengikut keadaan, penggunaan kamera digital yang canggih, latar belakang yang dapat diganti, alat peraga untuk digunakan semasa sesi foto dan juga sebagainya.

Penggambaran di dalam foto studio kini semakin meningkat, lebih-lebih lagi semasa musim perayaan kerana pelanggan mengambil kesempatan untuk bergambar bersama keluarga sambil meluangkan masa bersama dengan gaya masing-masing.

Bukan sahaja di musim perayaan, malahan foto studio ini mendapat sambutan yang tinggi di musim konvokesyen kerana banyak permintaan pelanggan terutamanya para graduan untuk mengambil gambar kenangan.

Foto studio juga menyediakan perkhidmatan untuk mencetak gambar dengan mengambil kira ukuran saiz gambar berkenaan.

Daripada saiz foto berukuran pasport hingga sebesar ukuran A0 bahkan lebih lagi tanpa menjejaskan kualiti gambar berkenaan.

Selain itu, ada juga foto studio menyediakan perkhidmatan buku foto (photobook) dan di dalam buku berkenaan, pelanggan boleh memasukkan gambar sebanyak yang diinginkan dan kemudian dicetak untuk dijadikan sebagai buku memoir.



PELUANG SERTAI KURSUS EMANSIPASI OKU BERSAMA MASYARAKAT

Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum, Universiti Sains Islam, Malaysia menawarkan Kursus Emansipasi OKU bersama Masyarakat.

Pihak UNISSA sukacita mengalu-alukan penyertaan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan serta orang ramai yang berminat untuk menyertai kursus ini. Tarikh tutup pendaftaran adalah pada Sabtu, 27 April 2024.

Kursus ini akan diadakan pada Jumaat, 28 Jun 2024 bermula jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi

di Dewan Auditorium, Kampus UNISSA, Gadong.

Orang ramai yang ingin mendaftar boleh melayari link berikut <https://ddei5-0-ctp.trendmicro.com:443/wis/clicktime/v1/query?url=https%3a%2f%2fbit.ly%2fKEOBM&uid=FA308B01-1642-A306-B931-9F30D71E97DA&auth=53dd1630b4e912c4528bfd78e818e60e909d6b-2e7c23719a59666e1ec61d0ee31e81953fa245b5>.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian WhatsApp ke nombor +673 8254374 atau e-mel C4L@unissa.edu.bn.

Anjuran Bersama
Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Dan Fakulti Usuluddin
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
DENGAN KERJASAMA
Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum
Universiti Sains Islam Malaysia

UNISSA
USIM

Kursus Emansipasi OKU Bersama Masyarakat

"DIBUKAKAN UNTUK ORANG RAMAI"

Tarikh: 28 Jun 2024
Hari: Juma'at
Jam: 8:30 pagi - 10:30 pagi
Tempat: Dewan Auditorium, Kampus UNISSA Gadong

Bahasa Pengantar:
Bahasa Melayu

Objektif

- Menjelaskan konsep OKU menurut kacamata Islam ke arah meningkatkan kefahaman dan sokongan masyarakat terhadap keperluan komuniti OKU.
- Melatih para peserta dengan kemahiran asas pengajaran Quran Braille dan Quran Isyarat secara hands-on.
- Usaha pemindahan ilmu dan perkongsian pengalaman berkaitan peranan institusi pengajian tinggi Islam dalam usaha Dakwah OKU melalui penglibatan masyarakat khususnya ibu bapa, warga pendidik, institusi pendidikan dan pengajian Islam, mahasiswa dan sukarelawan.

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN:
27 APRIL 2024

Imbas kod untuk pendaftaran

Dr. Siti Fatimah Mohd Tawil
Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi
Universiti Sains Islam Malaysia

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



BISKUT RAYA TETAP JADI PILIHAN JUADAH RAYA

■ Berita dan Foto : Aimi Sani

SUNGAI BESAR, Rabu, 17 April. - Selain juadah seperti lemang, rendang dan ketupat yang dihidangkan di meja utama, salah satu persiapan yang 'wajib' ada sebagai hidangan untuk menyambut kunjungan para tetamu adalah biskut dan juga kuih-muih.

Semasa musim perayaan tiba, meja akan dipenuhi dengan kepelbagaian kuih tradisional yang lazat dan unik. Tidak lengkap rasanya kalau tidak ada biskut raya untuk dinikmati ketika berbual-bual bersama keluarga atau pun sahabat handai yang bertandang ke rumah.

Jika sebahagian orang memilih untuk membuat sendiri kuih-muih mereka, terdapat juga mereka yang lebih gemar membeli sahaja sama ada di bazar-bazar atau tempahan daripada para peniaga.

Dari tahun ke tahun, pastinya bermacam-macam kuih-muih dihasilkan oleh masyarakat di negara ini bak cendawan tumbuh selepas hujan yang semestinya merangkumi kepelbagaian kuih-muih.

Dayang Rashidah binti Haji Harith dari Kampung Sungai Besar, seorang pengusaha biskut secara *home based* ketika ditemui menjelaskan beliau mula membuat

SEMASA musim perayaan tiba, meja akan dipenuhi dengan kepelbagaian kuih tradisional yang lazat dan unik.

biskut secara serius bermula tahun 2019. Antara biskut yang beliau buat ialah Biskut German, Biskut Jagus, Kueh Mor Biasa, Biskut Shortbread, Biskut Nutella, Biskut Semprit dan Biskut Almond Nestum.

"Selain menerima tempahan pada waktu-waktu perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan juga Tahun Baharu Cina, saya juga turut menerima tempahan untuk perkahwinan dan juga acara-acara keramaian. Tiga pilihan utama para pelanggan ialah Biskut Semprit, Biskut Shortbread dan Biskut Nutella," ujarnya.

Meskipun, harga bahan mentah



semakin meningkat, beliau tetap dengan harga yang berpatutan iaitu menjual pelbagai biskut raya ini sekitar BND12 (50 biji biskut).

Perusahaan *live cook* mendapat permintaan ramai



PENGUSAHA M.A.H's Kitchen yang sudah berkecimpung dalam bidang perusahaan *live cook* sejak dari tahun 2018 (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 April. - Negara sangat memerlukan anak-anak tempatan untuk sentiasa berusaha bagi membantu pihak kerajaan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, iaitu dengan melihat lebih ramai anak-anak tempatan menceburi bidang keusahawanan.

Antara yang menjadi tarikan pada ketika ini ialah perusahaan *live cook*.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan M.A.H's Kitchen

Penat lelah berniaga akan bertukar dengan kemanisan dan kepuasan bagi Awang Zamri bin Haji Jamaluddin, pengusaha M.A.H's Kitchen yang sudah berkecimpung dalam bidang perusahaan *live cook* sejak dari tahun 2018.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Awang Zamri memberitahu pada awalnya beliau memulakan perniagaan di Pasar Malam sekitar 2017 lagi dengan menumpang petak rakan, dan kemudian meneruskan perniagaannya (petak sendiri) di Gerai Ramadan pada 2018 dan sejak itu sering menerima saranan daripada para pelanggan untuk beliau membuat tempahan secara *live cook*.

"Alhamdulillah atas sambutan dari orang ramai itu jugalah saya memulakan perusahaan *live cook* ini sehingga ke hari ini tetap masih meneruskan perniagaan *live cook* ani mengikut slot-slot masa yang ditetapkan, iaitu setiap Jumaat; Ahad; waktu malam; cuti awam; dan semasa *off day*," ujarnya.

Selain turut menerima tempahan bagi majlis-majlis biasa, sambutan

ulang tahun, doa kesyukuran, majlis tahlil serta malam berjaga-jaga katanya, Alhamdulillah di musim perayaan Hari Raya Aidilfitri inilah sering menerima tempahan penuh sehingga satu bulan lamanya.

Dalam kesibukannya menjadi cef, beliau juga turut dibantu oleh kalagan keluarga dan rakan-rakan dalam menerima dan menyediakan tempahan yang dibuat oleh para pelanggannya, selain kemahiran memasak dengan menggunakan api besar itu juga turut dipelajari daripada kawan beliau sendiri.

Menyentuh mengenai pengalaman suka duka, beliau teruja pernah menerima tempahan paling banyak sehingga 500 kepala daripada sebuah syarikat telekomunikasi terkemuka di negara ini semasa mengadakan Family Fest, sementara waktu dukanya pada ketika beliau pernah tersesat jalan menuju lokasi sehingga terlewat datang namun beliau bersyukur tuan rumah (*client*) memahami masalah dan kesukaran beliau itu.

Apabila ditanya mengenai kekuatan diri untuk berniaga, beliau menjawab adalah demi isteri dan anak-anak yang sering menyambut beliau pulang ke rumah dengan riang.

"Maka dari letih bertukar menjadi nikmat, dan dalam Surah Ar-Rahman ada menyebut : 'Maka nikmat Tuhan-Mu yang mana lagi yang kamu dustakan,' jawabnya dengan senyuman.

Dengan slogan mereka 'Semoga Mendapat Kepuasan Rasa', M.A.H's Kitchen juga sentiasa menitikberatkan akan perkara-perkara yang penting dalam penyajian makanannya kepada para pelanggan, iaitu makanan sentiasa bersih, halal dan lazat, harus mampu milik dengan harga yang berpatutan.

Dan antara menu *live cook* yang sering menjadi tarikan ramai ialah Kuey Teow Goreng dan Mee Goreng yang pelbagai jenis seperti biasa, ayam, daging, *baby clam*, seafood, udang, Belutak, dan juga



menu Laksa Kari.

Di Bandar Seri Begawan**

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 396 / 2019

Nama Penghutang : Mohammad Shah Faizan bin Jahri (BYIC No.: 00-292773). **Alamat :** No. 108, Simpang 126, STKRJ Kg. Rimba Gadong, BE3119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 396 Tahun 2019. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit :** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya :** Terakhir. **Bila Kena Dibayar :** 12 Februari 2024. **Di mana Kena Bayar :** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
21 Mac 2024

**Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 361 / 2008

Nama Penghutang : Haji Buhana bin Haji Duranman (BYIC No.: 00-079162). **Alamat :** No. 7, Simpang 479, Jalan Wasai Limuru, Perumahan Negara Kg. Tanah Jambu, BU1129, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 361 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit :** 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya :** Ketiga. **Bila Kena Dibayar :** 9 Oktober 2023. **Di mana Kena Bayar :** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
17 Februari 2024

**Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 556 / 2016

Nama Penghutang : Pg. Damit bin Pg. Metarsat (BYIC No.: 00-113163). **Alamat :** No. 82, Simpang 256-45, Perumahan Kembar,

Kampung Rimba Gadong, BE3119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah :** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 556 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit :** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya :** Terakhir. **Bila Kena Dibayar :** 18 Mac 2024. **Di mana Kena Bayar :** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
21 Mac 2024

Kes No.
BCY / CP / 214 / 2020

**Baiduri Bank Sendirian Berhad
(formerly known as
Baiduri Bank Berhad)**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Mohamad Kamal bin Haji Mahari
(00-129379)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Mac 2024.

Nama dan alamat Bankrap:
Mohamad Kamal bin Haji Mahari
No. 9, Lot 6596,
Simpang 286-30-55,
RPN Kampung Lumut,
Kuala Belait, BC4435

Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
5 Februari 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
13 Mac 2024

Kes No.
BCY / CP / 573 / 2017

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Mohammad Shukren
bin Hj Awg Kalong
(00-280068)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Februari 2024.

Nama dan alamat Bankrap:
Mohammad Shukren
bin Hj Awg Kalong
No. 32, Jalan 3,
Kampung Lambak Kanan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
19 Januari 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
20 Februari 2024

**Nuuror-Raheebah
binti Haji Abd Wahab
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



**TAWARAN UNTUK BERNIAGA
DI PETAK JUALAN
DI PUSAT PASARAN, PUSAT
HORTIKULTUR RIMBA, GADONG**

Bilangan :
04 / 2024

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Petak Jualan

seperti berikut :-

Lokasi :
Pusat Pasaran, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong, Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Petak :
A7

Syarat :
Bagi menjalankan kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaian serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

Tempoh Iklan :
3 minggu

Tarikh Mula Iklan :
Isnin, 15 April 2024

Tarikh Berakhir Iklan :



Sabtu, 4 Mei 2024

Tarikh Akhir Menghantar :
Sabtu,
11 Mei 2024,
Sebelum jam 3.00 petang

Harga Penjualan Borang :
BND1.00 / borang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 009 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Untuk
Mengendali Dan Memelihara
Kolam Oksidasi Di Kampung
Lumut Bagi Tempoh 36 Bulan

No. Projek :
2024ADKB / B00411 / 002-003-001

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**



Selasa, 30 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
14 Mei 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن ساليينن كمبير ٢ ديكيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Menghargai dan Mensyukuri Nikmat Air

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 10 Syawal 1445H/19 April 2024M

Terdapat pelbagai cara dan usaha yang boleh kita lakukan dalam memanfaatkan nikmat air, antaranya ialah:

SEBAGAI IBUBAPA



Didik anak-anak sedari mereka masih kecil untuk tidak membazir air

Menjadi contoh dan saling menegur ahli keluarga dalam mengamalkan tabiat baik dan betul dalam penggunaan air

MENGGUNAKAN ALTERNATIF LAIN DALAM PENJIMATAN AIR, SEPERTI:




Menggunakan tangki tadahan untuk menyimpan air hujan

Boleh digunakan untuk menyiram pokok bunga, membersihkan kawasan rumah, longkang, garaj dan sebagainya



APA LAGI YANG BOLEH KITA BUAT:



Sentiasa pantau penggunaan air melalui bil-bil air dan jelaskan dalam tempoh yang diberikan



Laporkan kepada pihak yang berwajib/berkenaan jika:



Segera baiki paip air jika kebocoran di rumah-rumah persendirian



Elakkan dari menyebarkan berita yang tidak sah



Ternampak kebocoran paip air kerajaan di tepi-tepi jalan



Aktiviti mencurigakan seperti penggunaan air melalui pili air bomba tanpa kebenaran dari pihak berkuasa

PANTAU KEBAJIKAN PEKERJA, PATUHI PERINTAH PEKERJAAN 2009

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 76/2024 pada 4 April 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerja 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan di gerai menjual nasi katok kawasan Kampung

Salambigar mendapati lapan kesalahan di bawah Perintah Pekerja 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu Bab 39(1) Gagal membayar gaji lebih masa; Bab 63 Gagal memberikan cuti rehat; Bab 64 Bekerja pada hari rehat; Bab 65 Bekerja melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan; Bab 70 Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan; Bab 71 Gagal memberikan cuti tahunan dan

dua kesalahan di bawah Bab 112(2) Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja Asing di mana pekerja asing berjawatan Beverage Maker didapati melakukan pekerjaan sebagai menjual nasi katok serta telah menempatkan pekerja di gerai yang mana tempat tersebut tidak dibenarkan bagi pekerja-pekerja asing.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerja 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada

BND1,000 bagi kesalahan tersebut.


Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerja 2009 seperti penyediaan kontrak perkhidmatan secara bertulis dan pembayaran gaji tepat

pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerja 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



PARA majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerja 2009.

كمنترين كسبحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

Tekanan darah tinggi

Kolesterol tinggi

Kencing manis

Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur >40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.

Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur >40 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus), dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur >40 tahun; dan
2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 2 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur >21 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu
www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

Sebuah syarikat dikenakan denda kompaun

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

SERIA, Khamis, 18 April. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait telah menerima aduan daripada penduduk Kampung STKRJ Lorong 3 Selatan Seria, baru-baru ini mengenai satu aktiviti kerja-kerja pembuangan sisa air kotor (wastewater - human or animal waste).

Sehubungan itu, satu operasi telah dijalankan dan unit tersebut telah mengeluarkan satu denda kompaun berjumlah BND2,000 ke atas sebuah syarikat yang telah dilantik oleh sebuah agensi pihak yang berkenaan kerana telah menyalahi di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggali 30), Bab 12 (1) (c) iaitu membuang cecair yang menyebabkan mengalir atau jatuh ke sebarang tempat awam.

Syarikat terbabit diberikan tempoh selama satu minggu untuk menjelaskan denda kompaun berkenaan dan jika gagal

menjelaskan pembayaran, syarikat berkenaan boleh didakwa ke mahkamah.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait sekali lagi memberi peringatan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pembuangan sampah di tempat awam seperti berikut iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini, jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama.

Manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan hukuman denda tidak

kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Operasi yang dijalankan itu adalah bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran agar lebih terjaga dan mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang telah disediakan.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu ataupun badan-badan korporat agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan dan alam sekitar dengan membuang bahan-bahan buangan di kawasan yang telah disediakan



UNIT Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait telah mengeluarkan satu denda kompaun berjumlah BND2,000 ke atas syarikat berkenaan.

oleh pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam. Sebarang aduan bolehlah menghubungi menerusi talian +673 3334335 sambungan 1404 atau 1153 (Unit Penguatkuasaan).



Duit raya ... simpan atau belanjakan?

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

SLAM sentiasa menerapkan nilai-nilai murni dalam hidup setiap insan. Islam sentiasa mengajar kita untuk berbuat baik dengan semua orang terutama saudara sesama Islam. Tidak sempurna iman seorang muslim itu jika dia tidak menyayangi saudaranya seperti dia menyayangi dirinya sendiri.

Antara sifat mulia atau nilai murni seorang Islam kepada saudaranya yang lain adalah saling membantu antara satu sama lain. Dengan erti kata lain, jika kita lihat ada saudara kita yang ditimpa musibah atau dalam kesusahan, wajib untuk kita membantu mereka.

Perbuatan sedekah kepada ibu bapa termasuk antara ibadah yang sangat menguntungkan kerana ia merupakan amalan yang diberi ganjaran dalam tiga bentuk pahala amalan soleh iaitu berbuat baik kepada dua ibu bapa, mengeratkan silaturahmi, serta pahala bersedekah.

Setiap kali sambutan Hari Raya, kemeriahan akan jelas terasa di mana setiap orang akan saling bermaaf-maafan serta mengukuhkan lagi hubungan silaturahmi dan inilah keindahan sambutan Hari Raya yang pastinya akan menjadi kenangan kelak apabila sebahagian keluarga tidak ada lagi untuk sama-sama meraikan Hari Raya.

Pada tahun ini, umat Islam menyambut Hari Raya dengan suasana meriah namun sederhana. Amalan tradisi Hari Raya Aidilfitri, pastinya dilakukan setiap kali menyambut perayaan ini. Bagi mereka

yang beragama Islam, Hari Raya Aidilfitri pastinya menjadi salah satu perayaan yang ditunggu-tunggu terutamanya kanak-kanak.

Pada Hari Raya ini, kanak-kanaklah yang paling teruja dan ini dapat kita fahami kenapa. Tetapi kegembiraan kanak-kanak inilah sebenarnya yang menyerikan sambutan Hari Raya kerana tanpa mereka suasana Hari Raya akan berasa hambar dan tidak berseri.

Meskipun perbelanjaan untuk persiapan Hari Raya agak lebih sedikit daripada perbelanjaan harian, pasti ada yang masih mahu memberi duit raya atas dasar rasa tanggungjawab atau tidak sampai hati untuk mengecewakan anak-anak buah yang tertunggu-tunggu untuk dapat duit raya. Apatah lagi apabila mengenangkan kerian kanak-kanak apabila diberi duit raya membuatkan suasana Hari Raya semakin meriah.

Sambutan Hari Raya dengan 'duit raya' sudah menjadi kelaziman sekarang. Sering dilihat kanak-kanak yang datang beraya akan makan sedikit sahaja juadah yang dihidangkan dan mula aktif jika sampul surat hijau diberi. Justeru kebiasaan seperti ini agak sukar diubah kerana bagi kanak-kanak makna 'raya' ialah makanan yang banyak dan sedap, bunga api, lampu cucul, bermain dengan gembira bersama saudara-mara dan kawan-kawan serta duit raya.

Duit Raya

Konsep 'angpau' dahulunya diterapkan oleh orang-orang Tionghoa ketika sambutan Tahun Baharu. Ini juga dijelaskan dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI),

bahawa 'angpau' berasal dari bahasa Hokkien dialek Xiamen, ertinya 'bungkusan merah berisi wang'.

Namun, seiring berjalannya waktu, tidak hanya masyarakat Tionghoa, malahan umat Islam juga menerapkan pemberian wang untuk kanak-kanak pada Hari Raya dengan tujuan untuk menggembarakan kanak-kanak tersebut selain untuk bersedekah.

Memberikan duit raya pada kanak-kanak menjadi kebiasaan yang dilakukan semasa Hari Raya Aidilfitri. Walaupun sebenarnya memberikan duit bukan satu kemestian, tetapi ia memberikan rasa gembira kepada mereka walaupun jumlah yang ada dalam sampul surat tersebut dalam angka kecil tetapi keceriaan itulah yang menyerikan suasana Raya.

Pemberian duit raya dianggap sebagai sambungan sedekah ketika berakhirnya bulan Ramadan. Pemberian duit raya adalah satu bentuk perkongsian rezeki bersama orang lain. Justeru ramai yang beranggapan dengan memberikan duit raya dapat merapatkan ikatan dan mewujudkan interaksi di antara kanak-kanak dan orang dewasa. Bahkan tidak dinafikan perasaan sayang yang ada di hati kanak-kanak akan sentiasa dalam ingatan mereka.

Duit raya juga merupakan peluang kepada orang ramai untuk berbakti kepada golongan yang kurang bernasib baik dan menyumbang kepada kesejahteraan orang lain, terutamanya pada musim perayaan.

Walau bagaimanapun, duit raya hanya akan diberikan pada usia tertentu sahaja. Kebiasaannya, duit raya akan diberikan sehingga mereka tamat sekolah menengah. Tetapi ada juga keluarga yang memberikan

duit raya selagi seseorang itu tidak bekerja.

Didik untuk menabung

Apabila berakhirnya Syawal maka istilah 'duit raya' juga akan berakhir. Di sinilah kebijaksanaan ibu bapa dalam memegang duit raya anak-anak sama ada untuk disimpan atau dibelikan untuk keperluan anak-anak seperti peralatan sekolah.

Ibu bapa perlu mendidik anak untuk sentiasa menyimpan duit kerana anak-anak akan sentiasa mencontohi kelakuan ibu bapa mereka. Ajar dan tunjukkan kepada mereka kebaikan menyimpan duit dan tunjukkan kenapa perlu menyimpan kerana simpanan tersebut dapat menolong ketika sangat memerlukan duit pada waktu-waktu yang tidak dijangka. Dari sini anak boleh memahami kenapa perlu menyimpan duit dan tidak berbelanja sesuka hati tanpa ada keperluan penting. Di samping itu, ini membantu anak memahami bahawa wang bukan semata-mata untuk dibelanjakan segera, tetapi boleh disimpan untuk masa depan atau tujuan yang lebih penting.

Ini bukan sahaja dapat mendidik anak-anak untuk memulakan langkah bijak dengan menyimpan wang bagi kegunaan di masa hadapan tanpa perlu meminta-minta malah mereka boleh membantu dengan bersedekah kepada orang yang susah.

Walau apa pun pemahaman mengenai konsep 'duit raya', semangat raya tetap menjadi keutamaan kerana bukan wang yang menjadi buruan tetapi hubungan silaturahmi yang kukuh terjalin menjadi keutamaan.

INOVASI JADI KUASA PENGGERAK UTAMA PEMBANGUNAN EKONOMI CHINA



WASHINGTON, 18 April. - Inovasi telah menjadi kuasa penggerak utama bagi pembangunan ekonomi China, kata Pengarah Jabatan Hal Ehwal Fiskal Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Vitor Gaspar sempena Mesyuarat Musim Bunga

IMF dan Bank Dunia yang diadakan di sini, pada Rabu.

Beliau menyatakan bahawa China meletakkan inovasi dan kuasa produktif kualiti baharu di tempat keutamaan buat masa ini.

"Mengutamakan inovasi adalah

wajar kerana China telah melakar hasil cemerlang dalam sektor ini.

"Misalnya dalam pengeluaran tenaga hijau, panel bateri tenaga solar dan kenderaan elektrik (EV), China telah mendahului dunia," kata Gaspar.

Menurut beliau kebanyakan negara di dunia sedang mencari penerokaan dalam sektor inovasi dan transformasi hijau serta rendah karbon pada masa ini, dan ia sekali gus mencerminkan pentingnya kerjasama global.

"Kerjasama global amat penting dan kami percaya bahawa China akan memainkan peranan yang amat penting bagi menjayakan kerjasama global ini," kata beliau. - ©BERNAMA

Lapan anggota FRU didakwa simpan lapan bahagian badan pelanduk tanpa lesen

SEREMBAN, 18 April. - Lapan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen di sini hari ini atas pertuduhan menyimpan hidupan liar dilindungi tanpa lesen, berupa lapan bahagian badan pelanduk pada 2021.

Rusli Che Omar, Jafri Md Taib, Mohamed Khalid Ibrahim, Azaruddin Yahaya, Mohd Izammudin Zainol, Mohd Yusof Mohamed Yunos, Mahadzir Osman dan Jasius Joseph, yang masing-masing berusia antara 36 hingga 50 tahun, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan.

Kesemua anggota keselamatan itu, didakwa secara bersama-sama menyimpan tanpa lesen lapan bahagian pelanduk (*Tragulus javanicus*) iaitu hidupan liar dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), di dalam sebuah tong coleman yang diletakkan di bahagian belakang sebuah kenderaan.

Kesalahan itu dilakukan di Jalan Besar Kampung Talang, Empangan Talang, Kuala Pilah, pada 17 Jan 2021, kira-kira 1 tengah hari dan didakwa mengikut Seksyen 60(1) (b), Akta 716 dan dibaca bersama

Seksyen 34 Kanun Keseksaan, yang boleh dihukum di bawah seksyen 60(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan mereka boleh didenda tidak melebihi RM50,000, dipenjarakan tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Amanina Mohamad Anuar, manakala Jafri diwakili peguam Datuk Hanif Hassan, sementara tertuduh lain tidak diwakili peguam.

Amanina memohon mahkamah

mengenakan jaminan RM20,000 bagi setiap seorang, namun kesemua mereka merayu wang jaminan dikurangkan kepada RM2,000 atas alasan berstatus anggota berpangkat rendah, mempunyai kekangan kewangan terhad serta perlu menanggung isi rumah termasuk keluarga di kampung.

Kesemua tertuduh juga memberi jaminan akan memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan perbicaraan kes tersebut berjalan lancar.

Hakim Mazni Nawi kemudiannya menetapkan wang jaminan RM2,000 setiap seorang dan sebutan semula kes pada 12 Jun ini. - ©BERNAMA

1.7 juta penduduk hilang tempat tinggal di Semenanjung Gaza, kata PBB

GENEVA, 17 April. - Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) mengumumkan kira-kira 1.7 juta rakyat Palestin kehilangan tempat tinggal secara paksa di Semenanjung Gaza akibat pencerobohan Israel yang berterusan, mengakibatkan pembunuhan 33,000 orang, majoritinya adalah kanak-kanak dan wanita.

Jurucakap UNHCR Ravina Shamdasani berkata dalam

sidang akhbar di pejabat PBB di Geneva bahawa "menyelesaikan situasi bencana yang dialami oleh orang awam di Gaza mesti tetap menjadi keutamaan", lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA).

Dilaporkan bahawa Israel terus mengenakan sekatan haram ke atas kemasukan dan pengedaran bantuan kemanusiaan di Gaza dan Israel mengebom semua kawasan di Semenanjung Gaza.

Shamdasani berkata:

"Terdapat kira-kira 1.7 juta orang yang kehilangan tempat tinggal secara paksa di Gaza. Orang-orang ini hidup dalam keadaan yang menakutkan dan di bawah ancaman yang berterusan.

Beliau menegaskan bahawa Israel, sebagai "kuasa pendudukan", mesti mengambil semua langkah dalam kuasanya untuk memulihkan ketenteraman dan keselamatan awam di Tebing Barat. - ©BERNAMA

Pemimpin China, Jerman bincang krisis Ukraine

BEIJING, 17 April. - Presiden China, Xi Jinping bertemu dengan Canselor Jerman, Olaf Scholz di Wisma Tetamu Diaoyutai Beijing pada Selasa.

Pemimpin kedua-dua negara bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala, kerjasama kedua-dua negara dalam pelbagai bidang, situasi antarabangsa dan komited untuk menyumbang kepada keamanan dan pembangunan dunia. Dalam pada itu, krisis Ukraine turut menjadi topik perbincangan Xi dan Scholz.

Mereka menzahirkan kesediaan untuk mengikuti Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan menentang penggunaan senjata nuklear atau serangan ke atas kemudahan nuklear kegunaan awam.

Kedua-dua pemimpin juga menyatakan bahawa China

dan Jerman komited untuk menyelesaikan isu keselamatan makanan antarabangsa dengan baik, selain mematuhi undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Xi berkata pada masa ini, semua pihak patut berusaha untuk memulihkan keamanan secepat mungkin bagi mengelakkan konflik daripada berlarutan hingga tidak terkawal. Presiden berkata pihak-pihak terlibat perlu mengutamakan keamanan dan kestabilan dan tidak hanya mementingkan kepentingan diri.

"Usaha hendaklah dilakukan demi meredakan situasi, bukannya meruncingkan perselisihan hingga menyediakan syarat demi memulihkan rundingan damai, selain mengurangkan kesan negatif terhadap ekonomi dunia dan tidak menjejaskan kestabilan rantaian

bekalan dan rantaian perindustrian global.

"China bukanlah pihak terlibat dalam krisis Ukraine, namun negara ini sentiasa mendorong rundingan damai dengan kaedah sendiri," katanya.

Mengulas lanjut Xi berkata China menggalakkan dan menyokong semua usaha yang kondusif untuk penyelesaian krisis secara damai dan menyokong persidangan keamanan antarabangsa yang diiktiraf oleh Rusia dan Ukraine diadakan pada masa sesuai.

Beliau berkata persidangan itu perlu melibatkan penyertaan yang sama rata oleh semua pihak dan semua cadangan keamanan dapat dibincangkan. "China bersedia untuk mengekalkan kerjasama dengan semua pihak yang berkaitan, termasuk Jerman dalam hal ini," kata Xi. - ©BERNAMA

Syarikat Malaysia berkeyakinan penuh terhadap pasaran China

HAIKOU, 18 April. - China mempunyai jumlah penduduk antara tertinggi di dunia dan pasaran penggunaannya mempunyai daya tarikan besar, kata Penolong Pengerusi Persatuan Perniagaan Antarabangsa Promas Malaysia (Promas), Datin Fan Shu Hua.

Beliau yang diwawancara Kumpulan Media China (CMG) di sini baru-baru ini berkata Ekspo Barang Penggunaan Antarabangsa China (CICPE) menawarkan peluang kepada syarikat dari pelbagai negara untuk berkongsi peluang daripada pasaran gergasi itu.

Fan sehubungan itu berharap lebih banyak syarikat Malaysia dapat memasuki pasaran China, memahami negara Tembok Besar itu selain bekerjasama dengan syarikat tempatan untuk mewujudkan pembangunan bersama. Untuk rekod, CICPE edisi ke-4 sedang diadakan di Haikou, wilayah Hainan di selatan China.

Sempena sambutan ulang tahun ke-50 terjalannya hubungan diplomatik antara Republik Rakyat China dengan Malaysia pada tahun ini, Malaysia buat kali pertama menghantar rombongan negara untuk menyertai CICPE, melibatkan penyertaan 20 syarikat yang membawa 60 jenama.

Barang-barang yang dipamerkan termasuk makanan, produk penjagaan kesihatan, kraf tangan dan lain-lain. Turut dipamerkan adalah durian, sarang burung walit dan kopi putih yang mendapat sambutan baik dalam kalangan pengunjung CICPE.

Mengulas lanjut Fan berkata syarikat Malaysia akan aktif menyertai beberapa ekspo yang akan diadakan di China tahun ini, antaranya Pameran Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan Antarabangsa Harbin, dan Ekspo Import Antarabangsa China (CIIE). "Promas akan membawa lebih banyak syarikat Malaysia datang ke China untuk lebih banyak kerjasama," kata Fan. - ©BERNAMA

UAE alami hujan paling lebat dalam tempoh 75 tahun

ABU DHABI, 17 April. - Dalam peristiwa cuaca bersejarah, Emiriah Arab Bersatu (UAE) menyaksikan taburan hujan paling lebat direkodkan dalam tempoh 24 jam lepas, lapor Agensi Berita Emirates (WAM). Melepari rekod sebelumnya sejak permulaan pengumpulan data pada 1949, hujan lebat menjejaskan banyak wilayah di seluruh negara itu.

Pusat Meteorologi Kebangsaan mengesahkan bahawa rekod hujan yang berlaku di negara ini dalam tempoh 24 jam yang lalu sehingga 9 malam pada Selasa (16 April), adalah peristiwa luar biasa dalam sejarah iklim UAE sejak bermulanya rakaman data iklim. Dijangkakan bahawa jam-jam akan datang akan menyaksikan jumlah hujan yang lebih tinggi direkodkan.

Pusat itu melaporkan hujan tertinggi setakat ini direkodkan di kawasan "Khatm Al Shakla" di Al Ain, mencecah 254mm dalam masa kurang daripada 24 jam. Hujan lebat ini adalah peristiwa luar biasa di UAE yang menyumbang kepada peningkatan purata hujan tahunan di UAE serta pengukuhan rizab air bawah tanah negara secara keseluruhan. - ©BERNAMA



32 KELUARGA DIPINDAHKAN SELEPAS BANJIR LAHAR SEJUK LANDA JAWA TIMUR, INDONESIA

JAKARTA, 19 April. - Sekurangnya 32 keluarga di Lumajang, Jawa Timur dipindahkan secara sukarela ke kawasan lebih selamat susulan limpahan banjir lahar sejuk yang dicituskan Gunung Semeru pada Khamis.

Limpahan lahar sejuk berlaku selepas hujan sederhana hingga lebat di kawasan Gunung Semeru

sepanjang petang, menyebabkan Limpahan Sungai Regoyo melimpah dan membanjiri kawasan penempatan berhampiran.

Badan Penanggulangan Bencana Daerah (BPBD) Lumajang telah mengerahkan sebuah bot untuk mempercepatkan proses perpindahan selepas banjir itu merosakkan tiga jambatan dan jalan utama dinaiki air.

Badan Nasional Penanggulangan

Bencana (BNPB) telah meminta pihak berkuasa tempatan melaksanakan langkah mitigasi dengan memantau potensi taburan hujan secara berkala.

Jurucakap BNPB, Abdul Muhari menekankan kepentingan menjaga penduduk dan pengunjung di sekitar Limpahan Sungai Regoyo untuk meminimumkan kesan sekiranya berlaku banjir lahar yang berulang.

Gunung Semeru, satu daripada

gunung berapi aktif di Indonesia, meletus pada Jumaat pukul 6.45 pagi Waktu Indonesia Barat, dengan memuntahkan kepulan abu sehingga 500 meter ke udara dari atas kawah.

Ia susulan letusan pada Khamis pukul 12.34 tengah malam,

menyaksikan kepulan abu mencapai kira-kira 800 meter ke udara dari atas kawah, menurut Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bahaya Geologi negara, PVMBG.

Gunung Semeru, lokasi tumpuan pendaki, kekal pada status amaran Tahap III setakat ini. - ©BERNAMA

Jenayah penipuan dalam talian catat 871 kes pada musim perayaan Aidilfitri

KUALA LUMPUR, 19 April. - Sebanyak 871 kes jenayah penipuan dalam talian dicatatkan pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini bagi tempoh 1 hingga 14 April lepas, dengan nilai kerugian lebih RM37.2 juta.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata nilai kerugian itu adalah lebih rendah berbanding tempoh sama pada tahun 2023 yang mencatatkan sejumlah 1,465 kes dengan nilai kerugian lebih RM56.7 juta.

"Daripada 871 kes yang

dicatatkan, jenayah telekomunikasi mencatatkan kes tertinggi dengan 342 kes, diikuti jenayah e-dagang dengan 217 kes. Lain-lain kes adalah pelaburan tidak wujud (157 kes), pinjaman tidak wujud (112 kes), jenayah e-kewangan (29 kes) dan love scam (14 kes)," katanya pada sidang media situasi jenayah komersial di sini hari ini.

Beliau tidak menolak kemungkinan tahap kesedaran yang semakin baik dalam kalangan masyarakat berhubung aspek pencegahan jenayah menjadi pemangkin kepada

pengurangan kes-kes jenayah dalam talian.

Beliau berkata secara keseluruhan bagi tahun ini sehingga 14 April, JSJK merekodkan 8,913 kes jenayah komersial melibatkan nilai kerugian RM835 juta berbanding tempoh sama tahun lepas yang mencatatkan sejumlah 10,010 kes dan nilai kerugian RM504 juta.

"Kes bagi tahun ini telah mencatatkan penurunan sebanyak 11 peratus, namun nilai kerugian mencatatkan kadar peningkatan yang cukup besar iaitu 66 peratus," katanya. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai dijangka beroperasi semula dalam tempoh 24 jam

DUBAI, 19 April. - Ketua Pegawai Operasi (COO) Lapangan Terbang Dubai, Majed Al Joker mengumumkan Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai (DXB) akan kembali beroperasi seperti biasa dalam tempoh 24 jam, menandakan kembalinya kapasiti penuh dan jadual biasa.

Terminal 1 dan Terminal 3 telah pun memulakan normalisasi secara beransur-ansur, menyebabkan pergerakan lebih lancar, katanya dalam kenyataan kepada Agensi Berita Emirates (WAM).

Menekankan keselamatan penumpang sebagai keutamaan, Al Joker berkata usaha kerjasama

antara pasukan lapangan terbang, rakan kongsi dan syarikat penerbangan telah membantu memastikan keadaan kembali normal dan memudahkan pengembara yang terjejas.

Mengenai usaha yang dilakukan sejak beberapa jam dan hari yang lepas, Al Joker menekankan bahawa pasukan tindak balas dan kecemasan lapangan terbang, pelbagai jabatan, rakan strategik dan syarikat penerbangan telah bekerja keras menyelaraskan usaha untuk memulihkan keadaan serta membantu penumpang dan pelanggan yang terjejas.

Beliau juga menyatakan bahawa

entiti yang telah bekerja dan masih berusaha untuk memulihkan keadaan termasuk pelbagai jabatan swasta dan kerajaan serta entiti dari dalam dan luar lapangan terbang.

Selain itu katanya komunikasi berterusan dengan penumpang untuk memenuhi keperluan seperti penjadualan semula penerbangan atau tempahan semula serta hidangan ringan.

Lapangan Terbang Dubai turut memuji kakitangan yang berdedikasi dalam memastikan penyelesaian dan keselamatan pelanggan serta mengucapkan terima kasih kepada pelawat yang memahami keadaan getir itu. - ©BERNAMA

Wang Yi temui presiden baharu Indonesia

JAKARTA, 19 April. - Presiden Terpilih Indonesia merangkap Menteri Pertahanan, Prabowo Subianto menerima kunjungan ahli Biro Politik Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China (PKC) yang juga Menteri Luar China, Wang Yi di sini, pada Khamis.

Wang terlebih dahulu menyampaikan ucapan tahniah dari Presiden Xi Jinping kepada Prabowo yang menang dalam pilihan raya presiden dan yakin beliau akan membawa Indonesia ke masa depan yang lebih indah.

Wang berkata Indonesia merupakan negara membangun yang besar dan tenaga ikonik dalam negara Selatan Global.

"China meletakkan hubungan

dengan Indonesia sebagai keutamaan dalam hubungan luar dan menganggap Indonesia sebagai rakan yang boleh dipercayai bagi urusan global.

"Perpaduan dan kerjasama antara China dan Indonesia akan memberikan pengaruh kepada pembangunan global, menyumbang kepada keamanan dan kestabilan dunia serta mendorong proses multipolarisasi dunia," kata Wang.

Menteri Luar itu menegaskan bahawa China komited untuk menjalin kepercayaan strategik bertaraf lebih tinggi dengan Indonesia, meningkatkan kerjasama komprehensif, mendorong pembangunan modenisasi antara satu sama lain agar melonjakkan

hubungan perkongsian strategik komprehensif ke tahap baharu.

Wang berkata China turut menyokong Indonesia memainkan peranan yang lebih besar dalam urusan serantau dan antarabangsa, bersedia meningkatkan penyelarasan dan kerjasama untuk bersama-sama memelihara kedamaian dan kestabilan serantau serta memegang masa depan dan nasib rantau ini di tangan sendiri.

Sementara itu, Prabowo berkata China merupakan sahabat baik bagi Indonesia dan sependapat dengan Presiden Joko Widodo mengenai pengembangan hubungan dengan China.

"Kami berharap dapat memajukan dan meningkatkan kerjasama

strategik kedua-dua negara ke tahap lebih tinggi," katanya.

Bakal Presiden Indonesia itu berkata China mempertahankan keadilan dalam urusan serantau dan antarabangsa serta memberikan bantuan tanpa syarat kepada negara-negara membangun.

"Indonesia bersedia memperkasa penyelarasan dan kerjasama dengan China dan ia pasti akan memberi pengaruh yang positif bagi kestabilan dan kemakmuran serantau amnya dan dunia khususnya," kata Prabowo. - ©BERNAMA

Letusan Gunung Ruang jejas ruang udara, penutupan lapangan terbang dilanjutkan

JAKARTA, 19 April. - Letusan Gunung Ruang di Wilayah Sulawesi Utara terus menjejaskan ruang udara pada Jumaat, memberi kesan kepada keselamatan penerbangan, menurut Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) Indonesia.

Letusan itu yang bermula pada Selasa, menyebabkan penutupan sementara operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Sam Ratulangi di Manado pada Khamis, kira-kira 95 kilometer dari Gunung Ruang.

Jurucakap BNPB Abdul Muhari berkata penutupan lapangan terbang itu dilanjutkan sehingga hari ini, dari 6 pagi hingga 7 malam waktu tempatan, berikutan abu gunung berapi boleh dilihat sehingga ke daerah Minahasa Utara.

Setakat 11 malam Khamis, Pelabuhan Tagulandang beroperasi bagi usaha pemindahan penduduk dan pengagihan bantuan kepada mangsa yang terjejas di pusat pemindahan sementara yang terletak 15 kilometer dari Gunung Ruang.

Pihak berkuasa tempatan telah memindahkan 272 keluarga atau 838 individu dari Kampung Laingpatehi dan Kampung Pumpente di Pulau Tagulandang, katanya dalam satu kenyataan.

Abdul Muhari menegaskan usaha pemindahan diteruskan untuk komuniti di pulau itu dan mereka yang berada dalam radius enam kilometer dari pusat kawah aktif gunung berapi berkenaan.

Pemindahan segera digalakkan untuk bersedia menghadapi batu gunung, aliran piroklastik dan tsunami yang berpunca daripada runtuhannya bahan gunung ke laut.

"Gunung Ruang masih kelihatan hari ini, walaupun separuh terhalang oleh kabus. Kawah utama mengeluarkan asap putih dengan intensiti sederhana hingga tebal sehingga 100 meter dari puncak gunung," kata Abdul Muhari. - ©BERNAMA

India mengundi dalam pusingan pertama pilihan raya parlimen selama 6 minggu

NEW DELHI, 19 April. - Pengundi berpusu-pusu ke pusat mengundi di 21 negeri di India ketika pusingan pertama pilihan raya parlimen selama enam minggu berlangsung pada Jumaat, di negara paling ramai penduduk di dunia itu.

Perdana Menteri, Narendra Modi, yang mahu mempertahankan penggal ketiga memegang jawatan, sedang dicabar oleh 12 parti pakatan pembangkang.

Pertandingan fasa pertama adalah untuk 102 daripada 543 kerusi Lok Sabha iaitu Dewan Rakyat Parlimen India yang pilihan raya diadakan dari 19 April hingga 1 Jun.

Pengiraan undi akan dibuat pada 4 Jun.

Lebih 166 juta pemilih daripada keseluruhan kira-kira 970 juta pengundi layak membuang undi mereka pada Jumaat di 187,000 pusat mengundi.

Negeri selatan Tamil Nadu mengundi di semua 39 kawasan Lok Sabha, manakala negeri paling ramai penduduk Uttar Pradesh akan menyaksikan pengundian untuk lapan daripada 80 kerusinya pada pusingan pertama. - ©BERNAMA



Pemakanan dan bersukan perlu seimbang

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Arkib Jabatan Penerangan

BULAN Ramadan kini baru saja berlalu di mana umat Islam mengerjakan ibadah puasa selama sebulan dan kini diteruskan pula dengan puasa sunat enam hari di bulan Syawal.

Terbatasnya pengambilan makanan dan minuman di siang hari seringkali membuat kita merasa lemah dan tidak bersemangat.

Padahal aktiviti dan tugas seharian harus tetap dijalankan. Terkadang perkara seumpama inilah yang membuat kita untuk mengorbankan aktiviti lainnya dengan alasan menghemat tenaga.

Dengan pengambilan makanan yang seimbang, kita perlu menitikberatkan tentang pentingnya menjaga kesihatan diri sendiri sambil diimbangi dengan melakukan aktiviti seperti bersukan.

Bersukan dapat membantu meningkatkan daya tahan tubuh agar sentiasa segar dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti. Melalui aktiviti tersebut dapat menjaga berat badan yang ideal di samping membantu mencegah peningkatan berat badan yang berlebihan.

Jika kita jarang bergerak, makanan yang ada dalam tubuh akan berubah menjadi lemak. Makin malas bergerak, lemak itu akan

menompok yang secara langsung mengundang obesiti.

Dengan melakukan aktiviti bersukan yang teratur akan lebih fokus membakar lemak yang telah terlanjur tertimbun dalam tubuh.

Harus juga kita ketahui bahawa setiap jenis sukan memiliki manfaatnya yang tersendiri bagi membantu meningkatkan daya tahan tubuh.

Aktiviti fizikal merangkumi semua pergerakan yang dilakukan sepanjang hari termasuklah ketika berehat atau semasa bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

Semua orang boleh menikmati manfaat dari segi kesihatan ketika melakukan aktiviti fizikal, tidak kiralah apa jua umur, bangsa, saiz mahupun bentuk badan.

Malah, aktiviti seperti *berjogging*, *berbasikal*, *rekreasi* dan sukan bebas boleh dinikmati oleh semua orang. Ramai yang menggunakan masa lapang untuk mendapatkan manfaat bersukan dan menjadikannya sebagai satu hobi atau kegiatan yang sihat.

Sebelum melakukan aktiviti tersebut, perlunya melakukan pemanasan badan kerana memanaskan badan dapat merangsang penambahan oksigen

dalam tubuh dan mengaktifkan pengeluaran hormon yang akan membantu dalam proses penyaluran tenaga ke bahagian otot.

Peningkatan kadar oksigen dan hormon di bahagian otot juga membantu melancarkan pergerakan dan mengurangkan risiko kekejangan.

Jika anda takut tercedera, aktiviti ringan seperti berjalan juga boleh mendatangkan manfaat kepada kesihatan.

Sebarang aktiviti fizikal atau senaman yang dilakukan amat bermanfaat kepada kesihatan. Malah, ia juga boleh mengurangkan risiko pelbagai penyakit yang tidak berjangkit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis, masalah jantung dan sebagainya.

Pengambilan makanan yang mencukupi serta pengambilan vitamin yang diperlukan dapat membantu dalam pembesaran dan menjaga kesihatan.

Tubuh badan manusia memerlukan kesemua zat makanan

yang diperlukan untuk mendapat atau membina tubuh badan yang sihat dan cergas.

Dengan mengaplikasikan prinsip pemakanan yang baik, kita hanya perlu menambah faktor komponen masa iaitu makanan apa yang diambil sebelum, ketika dan selepas sesi senaman.

Pemakanan sukan juga dapat mengoptimalkan prestasi kita kerana ia memberi tenaga dan nutrien sesuai berdasarkan aktiviti fizikal yang dilakukan selain memberi kita tenaga ketika bersenam, malah membantu proses pemulihan supaya kita dapat menjalani aktiviti sukan dengan lebih baik.

Namun sebaliknya perkara penting yang perlu diberikan perhatian adalah mengelakkan

melakukan kesilapan dalam pengambilan makanan.

Untuk mengelakkan perkara buruk ini terjadi, perlunya untuk mendapatkan nasihat serta pandangan dari pegawai kesihatan atau pegawai pemakanan mengenai diet yang perlu supaya prestasi dan kesihatan keseluruhan tidak terjejas.

Kekurangan zat makanan atau protein makanan boleh mengakibatkan seseorang itu tidak cergas dan mudah letih bila seseorang individu tersebut melakukan aktiviti.

Maka keadaan ini akan menyebabkan seseorang itu gagal berfikir dengan baik untuk membuat keputusan. Jadi pemakanan seimbang juga antara penyumbang gaya hidup yang lebih sihat.





FOKUS TINGKATKAN USAHA MAJUKAN BOLA SEPAK NEGARA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa menerima kunjungan hormat daripada Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) di Jabatan Perdana Menteri.

Siaran Akhbar dan Foto: Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah menerima kunjungan hormat daripada Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff.

Majlis berlangsung di Jabatan Perdana Menteri, kelmarin.

Pada perjumpaan itu, Yang Berhormat Pehin berkata sukan bola sepak menjadi sukan yang digemari ramai di negara ini justeru FABD perlu memainkan peranan yang besar dalam memajukan sukan berkenaan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Pehin menasihati agar FABD terus fokus kepada meningkatkan usaha yang positif dan menjaga integriti dalam dan luar persatuan.

Dengan pembukaan Stadium Negara Hassanal Bolkiah tambah Yang Berhormat Pehin, diharapkan sukan bola sepak akan terus menjadi lebih aktif.

Sementara itu, Presiden FABD melahirkan penghargaan dan menyatakan perjumpaan

berkenaan merupakan satu penghormatan sekali gus membuktikan kerjasama dan sokongan berterusan kepada usaha FABD untuk merapatkan hubungan dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkaitan khusus dalam memajukan sukan bola sepak di negara ini.

Presiden FABD juga menyatakan perkembangan mutakhir FABD di samping menjelaskan beberapa pencapaian yang telah dicapai sepanjang 100 hari pentadbiran baharu di FABD bagi sesi 2024-2028.

Menurutnya, melalui beberapa pencapaian dan kerjasama yang diperolehi dari sektor swasta dalam negara dan kerjasama daripada persatuan bola sepak luar negara, ia akan memberi kemudahan usaha FABD untuk menerajui perkembangan bola sepak dalam semua peringkat di samping meningkatkan kemahiran sumber tenaga.

Hadir sama di majlis tersebut, Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Pemangku Setiausaha Agung FABD, Awang Matali bin Haji Md. Tahir; Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Haji Jufry bin Pengiran Haji Jaludin; dan Pegawai Pemasaran FABD, Awang Mohd. Nazree bin Haji Abu Bakar.

Penandatanganan penajaan Imagine Football Fiesta

Siaran Akhbar dan Foto: Imagine Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 April. - Imagine Sdn. Bhd. mengadakan Majlis Menandatangani Penajaan untuk Imagine Football Fiesta bertempat di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd.

Majlis itu menyaksikan perjanjian

perkongsian rasmi telah ditandatangani, sekali gus menandakan permulaan ekstravaganza bola sepak yang dinantikan.

Mewakili Imagine Sdn. Bhd. pada majlis tersebut ialah Pengarah Bahagian

Ekosistem Industri dan Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Allen On, atas kapasiti beliau sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine Sdn. Bhd.

Majlis menandatangani perjanjian itu dihadiri oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff dan wakil daripada penaja rasmi acara.

Kemuncak Imagine Football Fiesta, yang dijadualkan bermula pada penghujung April, ialah perlawanan pembukaan antara

DPMM FC dan Legenda Liga Perdana Inggeris, seperti Emile Heskey, Luis Garcia dan Dimitar Berbatov. Perlawanan bola sepak ini akan berlangsung di Stadium Nasional Hassanal Bolkiah pada 30 April 2024.

Sebarang perkembangan terkini dan pandangan eksklusif tentang Imagine Football Fiesta 2024, boleh diikuti melalui akaun media sosial rasmi Imagine di Instagram di @_imaginebn, Facebook di imaginebn, atau dengan melayari 'www.imagine.com.bn'.



MAJLIS Menandatangani Penajaan untuk Imagine Football Fiesta berlangsung di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd.

Tahukah Awda

PADA awalnya dikenali sebagai Unit Latihan pada tahun 1977 dan kemudian secara rasminya ditubuhkan sebagai sebahagian daripada Pejabat Perjawatan (nama lama JPA) di Jalan Kumbang Pasang. Pada Mei 1993 dinaik taraf kepada Institut Perkhidmatan Awam (IPA) yang memberi tumpuan kepada program latihan pengurusan dan pentadbiran. IPA kemudian berpindah ke bangunan sekarang di Jalan Kampung Rimba dan menggunakan logo IPA secara rasmi pada Februari 1997. Pada 1999, IPA beroperasi di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan skopnya.

SUMBER : www.ipa.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SYUKURI DAN HARGAI SEGALA NIKMAT YANG DIKURNIAKAN